

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 2 Disember 2021



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

STATISTIK KANAK-KANAK, MALAYSIA, 2021

Bilangan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan pada tahun 2020 daripada Institusi Penjagaan Kanak-kanak menurun 8.2 peratus kepada 5,858 orang berbanding 6,382 orang pada 2019

PUTRAJAYA, 2 DISEMBER 2021 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan Statistik Kanak-kanak, Malaysia, 2021. Kanak-kanak merupakan salah satu fokus dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dalam usaha negara mencapai status negara maju di samping melahirkan masyarakat yang saksama dan penyayang. Penerbitan Statistik Kanak-kanak yang dikeluarkan oleh DOSM secara tahunan adalah selari dan bertepatan dengan komitmen kerajaan dalam mempertingkatkan kesejahteraan kanak-kanak dengan memfokuskan empat bidang utama iaitu; demografi, kesihatan, pendidikan dan perlindungan kanak-kanak.

Penerbitan Statistik Kanak-kanak memuatkan tambahan enam jadual statistik baharu tentang perlindungan kanak-kanak. Antara statistik baharu yang tersedia adalah bantuan kanak-kanak mengikut etnik, kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan dan bilangan kanak-kanak tidak terkawal oleh penjaga mengikut negeri, jantina dan etnik.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Keutamaan terus diberi bagi memastikan kebajikan dan keselamatan kanak-kanak terus dipelihara. Didapati bilangan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan pada 2020 telah menurun 8.2 peratus kepada 5,858 orang berbanding 6,382 orang pada 2019.

Namun begitu, bilangan kanak-kanak ini (5,858 orang) hanyalah 0.06 peratus daripada jumlah kanak-kanak di Malaysia pada 2020. Statistik menunjukkan lebih ramai kanak-kanak perempuan memerlukan penjagaan dan perlindungan (63.3%) berbanding lelaki (36.7%). Berdasarkan statistik penduduk pada 2021, kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dianggarkan berjumlah 9.13 juta iaitu 28.0 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia (32.7 juta orang). W.P. Putrajaya merekodkan peratusan tertinggi kanak-kanak di bawah umur 18 tahun iaitu 37.2 peratus. Ini diikuti Terengganu (35.6%) dan Kelantan (34.7%). Sementara itu, Pulau Pinang merekodkan peratusan terendah iaitu 22.6 peratus. Didapati bilangan kanak-kanak lelaki (4.71 juta) lebih ramai daripada kanak-kanak perempuan (4.42 juta).”

Bilangan kanak-kanak pada 2021 berkurang sebanyak 100.4 ribu kepada 9.13 juta berbanding 9.23 juta pada 2020. Penurunan ini adalah ketara bagi kumpulan umur 0 hingga 4 tahun iaitu 2.5 peratus (64.5 ribu) berikutan penurunan bilangan kelahiran hidup kepada 470.2 ribu pada 2020 berbanding 488.0 ribu tahun sebelumnya.


Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan, “Dalam memperkukuh asuhan dan didikan awal kanak-kanak, taska berdaftar yang tersedia meningkat 8.1 peratus kepada 5,302 taska pada 2020 berbanding 4,903 taska pada 2019 bagi memenuhi keperluan penduduk. Selangor kekal mencatatkan bilangan taska berdaftar tertinggi iaitu 1,774 taska dengan peningkatan 16.1 peratus berbanding 2019. Ini diikuti W.P. Kuala Lumpur (525 taska) dan Perak (413 taska). Di samping itu, kadar peralihan enrolmen bagi peringkat rendah ke menengah rendah menunjukkan peningkatan iaitu 0.6 mata peratus pada 2020 kepada 89.4 peratus berbanding 88.8 peratus pada 2019. Pada tempoh yang sama, kadar peralihan enrolmen bagi peringkat menengah rendah ke menengah atas meningkat 1.4 mata peratus kepada 97.9 peratus. Manakala kadar peralihan enrolmen peringkat menengah atas ke lepasan menengah menurun dengan ketara iaitu 14.4 mata peratus. Penurunan ini disebabkan pengambilan pelajar bagi sesi Jun 2020 ditunda berikutan situasi pandemik COVID-19.”

Mengulas lanjut mengenai penerbitan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “*Sustainable Development Goals* (SDG) merupakan teras agenda 2030 bagi pembangunan mampan dengan tema “Tiada Sesiapa Yang Tertinggal (*Leaving No One Behind*)”. Ini termasuklah kesejahteraan kanak-kanak dengan semua negara menasaskan untuk mengurangkan kematian di bawah umur 5 tahun kepada sekurang-kurangnya serendah 25 per 1,000 kelahiran hidup. Malaysia telah mencapai sasaran tersebut sejak 1984. Kadar kematian kanak-kanak kurang daripada 5 tahun pada 2020 menurun kepada 6.9 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup berbanding 7.7 pada 2019.”


Usaha untuk menambah baik dari aspek kesihatan dalam kalangan kanak-kanak diteruskan melalui program imunisasi iaitu *Bacillus Calmette-Guerin* (BCG), *Poliomyelitis* (Polio), *Diphtheria, Tetanus & Pertussis* (DTP), *Haemophilus Influenzae type B* (HIB) dan *Hepatitis B*. Imunisasi untuk bayi telah melebihi sasaran liputan imunisasi kebangsaan iaitu 95.0 peratus.

Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh Penduduk Malaysia termasuk bukan warganegara yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020. Bagi mereka yang masih belum berkesempatan mengisi borang soal selidik bancian, sila hubungi DOSM di talian 1-800-88-7720 untuk maklumat lanjut. Aktiviti Semakan Kualiti (QC) dan Penyiasatan Liputan Banci (PES) bagi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan sepanjang November dan Disember 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam aktiviti yang dijalankan Banci Malaysia 2020 kerana "Data Anda Masa Depan Kita". Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.


Carta 1: Bilangan kanak-kanak mengikut kumpulan umur, Malaysia, 2020 dan 2021^e




Carta 2: Bilangan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan mengikut jantina, Malaysia, 2019 dan 2020



Carta 3: Liputan pelalian bagi bayi, Malaysia, 2019 dan 2020



Carta 4: Kadar peralihan enrolmen di sekolah kerajaan & bantuan kerajaan, Malaysia 2019 dan 2020



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

2 DISEMBER 2021

Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 2nd December 2021



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT CHILDREN STATISTICS, MALAYSIA, 2021

The number of children in need of care and protection in 2020 from Child Care Institutions decreased 8.2 per cent to 5,858 persons as compared to 6,382 persons in 2019

PUTRAJAYA, 2nd DECEMBER 2021 – Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) published *Children Statistics, Malaysia, 2021*. Children are one of the focus areas in Twelfth Malaysia Plan (Twelfth Plan), the country's efforts to achieve the status of a developed country while creating an equitable and caring society. The annual *Children Statistics* published by DOSM in tandem with the government's commitment to improving children's well-being by focusing on four main areas, namely; demography, health, education and child protection.

The present *Children Statistics* publication is enhanced with six additional new statistical tables about child protection. Among the new statistics available are child assistance by ethnic, number of children in need of care and protection and number of beyond control children by guardian by state, sex and ethnic.

Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Priority continues to be given to ensure the welfare and safety of children is maintained. It was found that the number of children in need of care and protection in 2020 decreased 8.2 per cent to 5,858 persons as compared to 6,382 persons in 2019. However, the number of these children

(5,858 persons) is only 0.06 per cent of the total number of children in Malaysia in 2020. Statistics showed that more girls need care and protection (63.3%) as compared to boys (36.7%). Based on the population estimates 2021, children under the age of 18 is estimated at 9.13 million which is 28.0 per cent of the total population of Malaysia (32.7 million persons). W.P. Putrajaya recorded the highest percentage of children under-18 years at 37.2 per cent. This is followed by Terengganu (35.6%) and Kelantan (34.7%). Meanwhile, Pulau Pinang recorded the lowest percentage at 22.6 per cent. The number of boys (4.71 million) were more than girls (4.42 million).”

The number of children in 2021 decreased by 100.4 thousand to 9.13 million as compared to 9.23 million in 2020. The decrease is significant for the age group 0 to 4 years which is 2.5 per cent (64.5 thousand) due to the decline in the number of live births to 470.2 thousand in 2020 as compared to 488.0 thousand in the previous year.

Chief Statistician of Malaysia stated, “In strengthening early childhood care and education, the available registered child care centres increased 8.1 per cent to 5,302 child care centres in 2020 as compared to 4,903 child care centres in 2019 to meet the needs of the population. Selangor remained as having the highest number of child care centres at 1,774 with an increase of 16.1 per cent as compared to 2019. This was followed by W.P. Kuala Lumpur (525 child care centres) and Perak (413 child care centres). In addition, the enrollment transition rate for primary to lower secondary level showed an increase of 0.6 percentage points in 2020 to 89.4 per cent as compared to 88.8 per cent in 2019. During the same period, the enrollment transition rate for lower secondary to upper secondary level increased by 1.4 percentage points to 97.9 per cent. Meanwhile, the transition rate from upper secondary to post-secondary level decreased significantly at 14.4 percentage points. The decrease was due to student enrollment for June 2020 session being postponed due to the COVID-19 pandemic situation.”


Commenting further on the publication, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “Sustainable Development Goals (SDG) are the core of the 2030 agenda for sustainable development with the theme Leaving No One Behind. This includes child well-being with all countries

aiming to reduce under-5 mortality to at least as low as 25 per 1,000 live births. Malaysia has achieved this target since 1984. Under-5 mortality rate in 2020 decreased to 6.9 per 1,000 live births as compared to 7.7 in 2019.”

Efforts to improve health aspects among children are continued through immunisation programs, namely Bacillus Calmette-Guerin (BCG), Poliomyelitis (Polio), Diphtheria, Tetanus & Pertussis (DTP), Haemophilus Influenzae type B (HIB) and Hepatitis B. Immunisation for infants has exceeded the national immunisation coverage target of 95.0 per cent.

Our sincere thanks and highest appreciation to all Malaysians, including non-citizens, who have given their full support and cooperation in making the Malaysia Census 2020 a success. For those who have not yet had the opportunity to fill out the census questionnaire, please contact DOSM at 1-800-88-7720 for further information. The activities of Quality Check (QC) and Post Enumeration Survey (PES) for Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is ongoing in November and December 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate the said activities of Malaysia Census 2020 because "Your Data is Our Future". Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Chart 1: Children by age group, Malaysia, 2020 and 2021^e



Note: ^e Estimated

Chart 2: Number of children in need of care and protection by sex, Malaysia, 2019 and 2020




Chart 3: Immunisation coverage for infant, Malaysia, 2019 and 2020





Chart 4: Transition rate of enrolment in government & government-aided schools, Malaysia, 2019 and 2020



Released by:

**CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA OFFICE
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
2 DECEMBER 2021**